



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

OKTOBER 2014

October 2014



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), OKTOBER 2014

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Oktober 2014 menurun 0.4 peratus berbanding September 2014.
2. Penurunan sebanyak 5.1 peratus telah dicatatkan bagi Pakaian dan Kasut disebabkan oleh penurunan harga bagi fabrik kain terpilih, kebanyakan pakaian, lain-lain keperluan bagi pakaian serta kasut. Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah menurun sebanyak 1.2 peratus berikutan penurunan harga bagi perabot yang terpilih, tekstil isi rumah, serta barangan kaca, pinggan mangkuk dan kelengkapan isi rumah. Pengangkutan juga menurun sebanyak 0.5 peratus disebabkan oleh harga yang rendah bagi perkhidmatan pengangkutan melalui udara.
3. Sementara itu, peningkatan sebanyak 5.1 peratus telah dicatatkan bagi Kesihatan disebabkan oleh harga yang tinggi bagi penyediaan perubatan dan ubat yang berpaten. Restoran dan Hotel meningkat sebanyak 0.5 peratus disebabkan oleh peningkatan harga bagi beberapa hidangan terpilih di restoran dan kafe serta kedai makanan segera dan lain-lain tempat makan. Rekreasi dan Kebudayaan juga meningkat sebanyak 0.1 peratus disebabkan oleh kenaikan harga bagi pakej percutian dan umrah.

4. IHP bagi Oktober 2014 menurun 0.7 peratus berbanding Oktober 2013 yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan indeks Pakaian dan Kasut; Pengangkutan; dan Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah.

5. IHP ini adalah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Oktober 2014 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE

CONSUMER PRICE INDEX (CPI), OCTOBER 2014

1. *The Consumer Price Index (CPI) for October 2014 decreased by 0.4 per cent over September 2014.*
2. *A decrease of 5.1 per cent was recorded in Clothing and Footwear due to lower prices of selected clothing materials, several garments, other articles of clothing and clothing accessories as well as shoes and other footwear. Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance decreased by 1.2 per cent following due to lower cost of selected furniture, household textiles as well as glassware, tableware and household utensils. Transport also decreased by 0.5 per cent due to lower prices of passenger transport by air.*
3. *On the other hand, an increase of 5.1 per cent was recorded in Health due to higher prices of medicinal preparations and patent medicines. Restaurants and Hotels increased by of 0.5 per cent due to higher prices of selected food items from restaurants and cafes as well as fast-food outlets and others eating places. Recreation and Culture also increased by 0.1 per cent due to higher prices of package holidays / pilgrimages.*
4. *CPI for October 2014 decreased by 0.7 per cent compared to October 2013, largely due to lower indices of Clothing and Footwear; Transport; and Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance.*

5. *CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey. The CPI full report for October 2014 is available from JPKE's website: www.depd.gov.bn.*